

03 OCT 2000

Mahathir-Jihad

JIHAD BUKAN SEKADAR BERPERANG, KATA DR MAHATHIR

Oleh: Wan A Hulaimi

LONDON, 3 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata umat Islam kini terlibat dalam terlalu banyak polemik remeh dan sering bercakaran sesama sendiri padahal mereka sepatutnya melengkapkan diri dengan pengetahuan bagi menghadapi era maklumat.

Perdana Menteri berkata umat Islam sentiasa mencari alasan untuk berperang atau berjihad dan tidak mementingkan sangat tentang kewajaran jihad daripada sudut agama dan tentang negara-negara Islam yang semakin lemah,

"Perkara pokok (bagi golongan seperti ini) ialah untuk berperang dan sanggup mati syahid dan masuk syurga," katanya dalam satu pertemuan dengan pemimpin-pemimpin dan intelektual Islam di sini hari ini.

Sambil melahirkan rasa kesal beliau tentang keadaan buruk di negara-negara Islam dan pandangan beberapa pihak di tanah air, Dr Mahathir berkata bahawa di Malaysia kerajaan cuba mewujudkan senario berlainan.

"Kita mahu umat Islam dididik dalam semua bidang, sains dan teknologi, tanpa melupakan ilmu dan amalan agama Islam. Kita mahu mereka mampu bersaing dan meraih kekayaan secara halal," katanya.

Katanya umat Islam sebenarnya adalah mereka yang bersedia daripada segi spiritual untuk menghadapi cabaran serta tidak tunduk kepada emosi.

"Jihad kita ialah untuk membina negara Islam yang rasional, mahir dalam pentadbiran, dalam sains dan teknologi, dalam perdagangan dan industri, selain stabil daripada segi politik, sosial dan agama, serta berilmu dalam semua bidang.

"Dengan itu, barulah kita benar-benar berjuang untuk Islam," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri berkata Malaysia berharap untuk menyumbang seberapa daya yang boleh ke arah kebangkitan umat Islam dan dunia Islam.

"Kami harap kejayaan kami yang tidak seberapa akan diterima dan dijadikan sebagai contoh," katanya.

Dr Mahathir berkata beliau yakin kebangkitan Islam akan berjaya pada abad ke-21 ini walaupun ada golongan muda terpelajar di Malaysia yang secara sengaja membenci pihak yang membantu mereka mencapai kejayaan.

"Saya cuba sedaya upaya untuk menjadi optimistik tentang umat Islam pada abad ke-21 dalam alaf ketiga era Kristian. Tetapi saya mengaku bahawa sukar bagi saya menjadi optimistik.

"Saya dapati tidak banyak umat Islam yang faham mengenai realiti. Mereka hidup dalam dunia kepura-puraan dan melihat kelemahan sebagai kekuatan, (dan) kegagalan sebagai kejayaan," katanya.

Dr Mahathir menyebut tentang kejayaan umat Islam semasa dunia memasuki alaf kedua apabila Islam menjadi tumpuan bagi kegiatan politik, ekonomi dan sosial serta semasa saintis, penyelidik dan pemikir Islam mencapai pelbagai kejayaan dalam semua bidang.

Apabila dunia memasuki alaf kedua, penganut Kristian menjangka untuk menghadapi kiamat sedangkan umat Islam berada di persada kejayaan.

Bagaimanapun, melihat kepada kedudukan umat Islam sekarang, beliau berkata tidak mungkin mereka akan berjaya mencipta tamadun yang hebat atau dikenang sebagai pemikir seperti golongan sebelumnya.

"Mereka lebih dikenali disebabkan kontroversi yang mereka cetuskan," katanya.

Dr Mahathir berkata walaupun selepas 1400 tahun Hijrah, umat Islam masih membahaskan sama ada untuk pancung mereka yang murtad.

Apabila perbahasan berterusan, umat Islam akan memilih untuk menyokong sesuatu pihak dan menuduh pihak lain sebagai kafir.

"Jika satu pihak ini betul, maka bilangan umat Islam akan berkurangan menjadi separuh," katanya.

--BERNAMA
WAH NZ MAI